

Kesanggupan Memberi Rasuah Di Kalangan Pelajar Universiti: Kes Kesalahan Lalu Lintas Bribery Amongst University Students: Traffic Offenses

Lim Hock Eam
Tracy Tong Pooi Yee
Woon Moong Vooi
Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

This paper studies the determinants of willingness to give bribe among university students, in case of traffic offence. Marginal benefit (time and money saved) that obtained in giving the bribe is the main determinants. This implies that policy of anti-corruption by increase the fine is most likely to be ineffective. The finding of morality attachment is able to reduce the willingness to bribe, suggests that religious teaching should be the focus on anti-corruption education. Students with high willingness to bribe are those who are male, Chinese CGPA more than 2.96 and low morality attachment. Anti-corruption education is suggested to focus on this group.

Keywords: Willingness to bribe; university student; ordered logit model

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji penentu-penentu kesanggupan memberi rasuah dalam kes kesalahan lalu lintas di kalangan pelajar universiti. Faedah sut (masa dan wang dijimat) yang diperolehi dalam memberi rasuah merupakan penentu utama. Ini bererti polisi anti-rasuah dengan meningkat denda berkemungkinan besar tidak berkesan. Dapatan bahawa pegangan moral berkeupayaan mengurangkan kesanggupan memberi rasuah mencadangkan ajaran agama seharusnya dijadikan tumpuan dalam pendidikan anti-rasuah. Ciri-ciri pelajar berkesanggupan tinggi dalam memberi rasuah adalah pelajar lelaki, Cina, berpurata mata gred lebih dari 2.96 dan berpegangan moral rendah. Pendidikan anti-rasuah adalah dicadangkan tertumpu ke atas kumpulan ini.

Kata kunci: Kesanggupan memberi rasuah; pelajar universiti; model ordered logit

PENGENALAN

Rasuah merupakan isu sosial yang semakin mendapat perhatian di kalangan masyarakat Malaysia. Penghapusan rasuah telah menjadi manifesto utama dalam pilihan raya Malaysia pada tahun 2004 dan juga 2008, sama ada bagi parti Barisan Nasional atau parti pembangkang. Rasuah boleh diumpamakan sebagai penyakit kanser yang boleh merebak ke seluruh badan dan membawa maut jika tidak dibanteras. Laporan *Transparency International* 2007 telah melaporkan terdapatnya korelasi yang kuat antara rasuah dan kemiskinan. Secara keseluruhan, negara-negara membangun didapati mempunyai persepsi rasuah lebih rendah, daripada negara-negara sedang membangun termasuk Malaysia.

Dalam usaha mencapai impian Wawasan 2020, iaitu Malaysia sebagai negara membangun pada tahun 2020, gejala rasuah ini merupakan suatu halangan yang perlu diatasi secepat mungkin. Sememangnya, cabaran besar yang perlu ditangani dalam usaha menjadi Malaysia sebagai negara maju ini ialah peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu dijadikan sebagai budaya masyarakat, seperti mana yang tercatat dalam Pelan Integriti Nasional, "*Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri modal dan etikannya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.*" (Pelan Integriti Nasional 2006, 2).

Rasuah adalah aktiviti yang melibatkan dua pihak, iaitu penawaran (memberi) dan permintaan (menerima). Pemahaman gelagat rasuah boleh ditinjau dari segi penawaran rasuah, iaitu kecenderungan individu dalam memberi rasuah. Masyarakat merupakan asas pembangunan sesebuah negara, terutamanya pelajar-pelajar universiti yang bakal menjadi pemimpin negara. Gelagat pelajar universiti ini dapat mencerminkan gelagat masyarakat pada hari kelak nanti dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan sebuah masyarakat yang sihat dan kukuh bagi menjana pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Objektif program ekonomi di sesebuah universiti (misalnya, Universiti Utara Malaysia) ialah melahirkan graduan yang memiliki lulusan yang mahir dan berdaya analitikal bagi memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Pelajar-pelajar program ekonomi dijangka berkeupayaan dalam menganalisis sesuatu keadaan dengan aplikasi ilmu ekonomi seperti analisis marginal.

Maka, kajian ini mengkaji kesanggupan memberi rasuah pelajar program ekonomi dalam kes kesalahan lalu lintas.

Kes kesalahan lalu lintas dipilih disebabkan ramai pelajar mempunyai lesen memandu dan pelajar dijangka memahami apa itu kesalahan lalu lintas berbanding dengan kesalahan yang lain. Pemahaman ini akan membantu dalam penilaian “kesanggupan” memberi rasuah yang lebih tepat. Walaupun kes kesalahan lalu lintas merupakan kesalahan yang kecil, kajian lalu seperti Baack et al. (2000) dan Bernardi & Vassill (2004) telah menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan signifikan antara kesalahan etika yang kecil dengan kesalahan etika yang besar.

Dalam literatur, banyak kajian telah menunjukkan bahawa aktiviti rasuah membawa kesan negatif kepada pembangunan negara. Rasuah telah didapati memberi impak negatif ke atas pelaburan, penggunaan dan eksport bersih (Bardhan 1997; Owoye dan Ibrahim Bendardaf 1996; Habib & Zurawicki 2002; Zhao, Kim & Du 2003). Misalnya, Bardhan (1997) membuat satu tinjauan ke atas pembangunan dan rasuah. Beliau membuat kesimpulan bahawa rasuah memang merupakan halangan besar kepada pembangunan. Rasuah diibaratkan sebagai “pasir” dalam mesin menjana pembangunan negara.

Pada peringkat makroekonomi, Kaufmann (1998) membuat satu ulasan ringkas mengenai kajian-kajian empirikal dalam bidang rasuah. Penentu-penentu aktiviti rasuah didapati adalah pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkenaan dengan liberti awam, politik, undang-undang, kewujudan institusi *watchdog*, keadaan ekonomi dan regulasi, pengurusan dan kewangan awam serta peringkat pembangunan negara.

Pada peringkat individu, pelbagai kajian juga dilaksanakan untuk mengenalpasti penentu-penentu kesanggupan memberi rasuah. Antara penentu-penentu yang dikenalpasti adalah faedah diperoleh dalam memberi rasuah, persepsi terhadap kewujudan rasuah, lokasi tempat tinggal, jenis pekerjaan, jantina dan umur (Andvig & Moene 1990; Liew 1992; Glover, Bumpus, Sharp & Munchus 2002; Cabelkova & Hanousek 2004).

Dalam kajian oleh Cabelkova & Hanousek (2004), kesanggupan memberi rasuah di negara Ukraine didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi kewujudan rasuah. Tanggapan individu bahawa tahap rasuah sesuatu institusi adalah serius, maka individu akan lebih bersedia untuk memberi wang suapan. Selain itu, individu-individu yang bekerja dalam bidang perniagaan dan pertanian, orang muda dan mereka yang tinggal di bandar kecil, didapati mempunyai kesanggupan memberi rasuah yang tinggi. Jantina didapati tidak mempunyai kesan yang signifikan. Dapatan ini bercanggahan dengan kajian lalu, di mana, secara

umumnya, perempuan adalah didapati lebih beretika dalam pembuat keputusan berbanding dengan lelaki (Loo 2003; Glover, Bumpus & Sharp 2002).

Dalam konteks negara Malaysia, kajian *Transparency International Malaysia* mendapati bahawa mereka yang berpendapatan tinggi dan berbangsa Cina, mempunyai kesanggupan memberi rasuah yang tinggi ("Kajian dapati gaji" 2007). Responden dalam kajian ini juga mengakui bahawa mereka memberi rasuah adalah untuk mengelakkan kerumitan. Pendek kata, literatur telah jelas menunjukkan kesan buruk rasuah dan penentu-penentu aktiviti rasuah sama ada pada peringkat makroekonomi dan mikroekonomi.

Walau bagaimanapun, di Malaysia, kajian penentu-penentu kesanggupan memberi rasuah di kalangan pelajar universiti dengan pemodelan ekonometrik masih tidak diterokai sepenuhnya. Pengenalpastian penentu-penentu ini mempunyai implikasi dasar yang penting. Misalnya, ia boleh membantu dalam mengenalpasti kumpulan berkecenderungan tinggi dalam memberi rasuah dan membolehkan pendidikan anti-rasuah tertumpu ke atas kumpulan ini. Ini adalah selaras dengan seruan Kaufmann (1998, 130) – "... a more explicit linkage between empirical research and practical and implementable policy actions in the field is called for." Maka, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji penentu-penentu kesanggupan memberi rasuah di kalangan pelajar universiti dengan pemodelan ekonometrik.

Kajian ini adalah dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama adalah pengenalan dan juga ulasan karya ringkas mengenai penentu-penentu kesanggupan memberi rasuah. Bahagian kedua membincangkan data dan metodologi. Bahagian ketiga pula mempersembahkan keputusan analisis deskriptif dan regresi. Kesimpulan kajian ini dikemukakan pada bahagian terakhir.

DATA DAN METODOLOGI

DATA

Data ini dikutip dengan agihan borang soal selidik dan menggunakan reka bentuk persampelan rawak dalam pemilihan sampel. Rangka populasi, iaitu senarai semua pelajar Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, yang berjumlah 1,171 adalah diperolehi dan seramai 350 pelajar dipilih secara rawak untuk diagihkan borang soal selidik. Borang soal selidik yang

dipulangkan dan boleh digunakan adalah berjumlah 291. Tempoh pengutipan data ini adalah dari Mac 2006 sehingga April 2006.

Kesanggupan pemberian rasuah adalah diukur dengan soalan berbentuk: “Saya akan memberi rasuah sebanyak RM50 bagi mengelak saman lalu lintas yang membawa denda sebanyak RM300”. Responden diminta menjawab dalam skala *Likert* dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju).

METODOLOGI

Memandangkan pemboleh ubah bersandar (kesanggupan memberi rasuah) adalah diukur dalam skala *likert* yang bersifat *ordinal*, model *ordered logit* yang berupaya mengambil kira sifat *ordinal* ini digunakan.

Diandaikan terdapatnya satu pemboleh ubah *latent* (y^*) yang mewakili kesanggupan memberi rasuah seseorang individu. Pemboleh ubah *latent* ini adalah dipengaruhi oleh ciri-ciri individu dan lain-lain pemboleh ubah yang diwakili oleh x_i . Jika y^* adalah berfungsi secara linear dengan x_i , Model (1) adalah diperoleh seperti berikut:

$$y_i^* = \sum_{i=1}^n \beta x_i + u_i \tag{1}$$

apabila

y^* = kesanggupan memberi rasuah (*latent*)

x = ciri-ciri individual dan lain-lain pemboleh ubah bebas

u = ralat

Model *ordered logit* mengandaikan kesanggupan memberi rasuah yang dinyatakan (y) adalah berhubung dengan y^* dan juga tujuh parameter *boundary*, μ_j , apabila $j = 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7$ dan $\mu_1 < \mu_2 < \mu_3 < \mu_4 < \mu_5 < \mu_6 < \mu_7$. Kesanggupan memberi rasuah yang dinyatakan adalah mengambil susunan kategori dari 1 (sangat tidak setuju – kesanggupan memberi rasuah yang terendah), 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 (sangat setuju – kesanggupan memberi rasuah yang tertinggi).

Diandaikan ralat dalam model (1) adalah tertabur secara logistik, kebarangkalian bagi mencapai setiap kategori dalam kesanggupan memberi rasuah yang dinyatakan adalah seperti berikut:

$$P_{ij} = \Pr(y = j | x) = \Lambda(\mu_i - x\beta) - \Lambda(\mu_{j-1} - x\beta)$$

apabila $j = 1$ to 7 & $\mu_0 = -\infty$ & $\mu_7 = \infty$.

Simbol Λ adalah mewakili fungsi taburan *cumulative logistic*. Parameter teranggar *Maximum Likelihood* (MLE) boleh diperolehi dengan memaksimumkan fungsi *log likelihood* ke atas β dan μ , seperti berikut:

$$LF(\beta, \mu) = \sum_{i=1}^n \sum_{j=1}^I z_{ij} \ln(P_{ij}). \quad (2)$$

Pemboleh ubah z_{ij} adalah penunjuk yang bersamaan dengan satu jika responden i memilih kategori j dan kosong jika sebaliknya. Model ini dianggarkan dengan *robust variance estimates* (*Huber/White/sandwich estimator of variance*).

PENGANGGARAN DAN INTERPRETASI

Bahagian ini dibahagikan kepada dua bahagian kecil, iaitu analisis diskriptif dan analisis model *ordered logit*. Analisis diskriptif adalah dilakukan tanpa mengawal (secara statistik) kesan pemboleh ubah-pemboleh ubah lain. Bagi mengawal kesan tersebut, analisis model *ordered logit* dilaksanakan.

JADUAL 1: Ciri-ciri sampel dan kesanggupan memberi rasuah (WTB)

Pemboleh ubah kategori		%	Nilai purata (WTB)
Jantina	Perempuan	74.91	2.97
	Lelaki	25.09	4.71
Kaum	Melayu	48.80	2.47
	Cina	44.67	4.57
	India	5.15	2.53
	Lain-lain	1.37	2.00
Lokasi	Bandar	59.79	3.50
	Luar Bandar	40.21	3.27
Kesanggupan memberi rasuah (WTB)	1(sangat tidak setuju)	31.27	-
	2	12.37	-
	3	8.93	-
	4	16.49	-
	5	9.28	-
	6	6.19	-
	7(sangat setuju)	15.46	-

ANALISIS DISKRIPITIF: CIRI-CIRI SAMPEL & KESANGGUPAN MEMBERI RASUAH

Jadual 1 memaparkan ciri-ciri sampel dan nilai purata kesanggupan memberi rasuah (WTB). Adalah didapati bahawa sampel ini didominasi oleh perempuan (74.91%) dan Melayu (48.80%). Majoriti sampel ini juga didapati berasal dari bandar (59.79%). Bagi kesanggupan memberi rasuah (WTB), dengan skala bernilai 4 sebagai titik *neutral*, maka, adalah didapati bahawa 30.93% (9.28%+6.19%+15.46%) sampel sanggup memberi rasuah.

Lajur terakhir dalam Jadual 1 memaparkan nilai purata kesanggupan memberi rasuah (WTB). Jelasnya, lelaki mempunyai nilai purata kesanggupan memberi rasuah (4.71) yang jauh lebih tinggi daripada perempuan (2.97). Dari segi etnik, Cina didapati mempunyai nilai purata kesanggupan memberi rasuah yang tertinggi (4.57). Ini diikuti oleh etnik India (2.53), Melayu (2.47) dan lain-lain (2.0). Jelasnya, analisis deskriptif ini mencadangkan bahawa lelaki dan etnik Cina mempunyai kecenderungan memberi rasuah yang tinggi.

JADUAL 2: Nilai korelasi antara kesanggupan memberi rasuah dan faktor-faktor lain

Pemboleh ubah berterusan	WTB
Purata mata gred (PMK)	0.1043
Beri rasuah untuk jimat masa	0.3391
Beri rasuah untuk jimat wang (denda)	0.4464
Risiko dikesan dalam beri rasuah	-0.1224
Sudi lapor kes rasuah atas insentif kewangan	0.2291
Sudi lapor kes rasuah atas pegangan moral sendiri	-0.2265

Jadual 2 mempersembahkan korelasi antara WTB dengan pemboleh ubah berterusan. Dari Jadual 2, beri rasuah untuk jimat masa dan wang mempunyai nilai korelasi (positif) tertinggi dengan WTB (0.3391 dan 0.4464 masing-masing). Ini bererti semakin banyak masa dan wang yang dijamin, semakin tinggi WTB. Manakala, risiko dikesan dan sudi lapor kes rasuah atas pegangan moral mempunyai korelasi (negatif) dengan WTB. Semakin tinggi kesanggupan mereka melaporkan kes rasuah atas pegangan moral, semakin rendah WTB.

ANALISIS DISKRIPITIF: PERSEPSI TERHADAP RASUAH DAN NILAI PURATA KESANGGUPAN MEMBERI RASUAH

Jadual 3 memaparkan persepsi ke atas tahap rasuah di Malaysia dan nilai purata kesanggupan memberi rasuah (WTB). Kesemua pelajar mempunyai persepsi bahawa rasuah wujud di negara ini. Malah, 17.53% sampel percaya terdapatnya sangat banyak rasuah di negara ini.

Pada kesimpulannya, analisis deskriptif ini mencadangkan bahawa 30.93% responden sanggup memberi rasuah dalam kes kesalahan lalu lintas. Semua responden berpersepsi bahawa wujudnya rasuah di Malaysia. Lelaki dan etnik Cina merupakan kumpulan yang berkecenderungan tinggi untuk memberi rasuah. Jimat masa dan wang adalah faktor utama dalam memberi rasuah.

JADUAL 3: Persepsi terhadap tahap rasuah di Malaysia

Persepsi tahap rasuah	%	Nilai purata (WTB)
0(tiada langsung)	0	-
1	0	-
2	0.69	4.00
3	0.34	7.00
4	1.72	3.00
5	7.9	2.48
6	8.93	2.27
7	22.34	2.75
8	23.02	3.87
9	17.53	3.86
10(sangat banyak)	17.53	4.12

ANALISIS MODEL *ORDERED LOGIT*

Jadual 4 memaparkan model *ordered logit* teranggar bagi mengenalpasti serta mengukur kesan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang mempengaruhi WTB. Jadual 5 memberi keterangan mengenai pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam Jadual 4.

Nota 2 sehingga 4 di bawah Jadual 4 melaporkan keputusan ujian-ujian kebagusan model *ordered logit* teranggar. Ujian *Wald* ke atas kebagusan model didapati signifikan dan peratus diramal dengan betul secara keseluruhan (*Overall percentage correctly predicted*) bagi model teranggar ini adalah 46.74%, iaitu 29.81% lebih tinggi berbanding dengan

JADUAL 4: Model *Ordered Logit* Teranggar

Pemboleh ubah	Pekali	Sisihan Piawai <i>Robust</i>
MALE	3.0389	0.9366***
CHINESE	1.1419	0.2589***
OTHERS	-1.3151	0.7251*
MORAL	-0.0074	0.0965
TIMESAVE	0.2088	0.0845**
FINESAVE	0.3960	0.0872***
INSENTIF	0.2556	0.0861***
LOCATION	0.1614	0.2253
PMK	-11.1451	3.9858***
PMK2	1.8855	0.6680***
HAPPINESS	-0.0769	0.1230
PERCEPTION	0.1079	0.0755
DETECT	-0.1026	0.0811
Pemboleh ubah Interaktif:		
MALE*CHINESE	-0.1130	0.6407
MALE*OTHERS	2.3471	0.9116***
MALE*MORAL	-0.4568	0.1821**
Boundary parameter:		
μ_1	-12.5470	5.7658**
μ_2	-11.7038	5.7570**
μ_3	-11.1452	5.7582*
μ_4	-10.0588	5.7518*
μ_5	-9.3304	5.7534
μ_6	-8.7487	5.7484

Nota:

1. ***, **, dan * mewakili kesignifikan pada 1%, 5%, and 10% aras keertian
2. Ujian *Wald* ke atas kebagusan model didapati signifikan pada 1% aras keertian dengan nilai-p hampir bersama dengan kosong.
3. Model teranggar ini mempunyai Peratus Diramal Dengan Betul Keseluruhan (*overall percentage correctly predicted*) bernilai 46.74%. Dengan model naïve, yang menggunakan peratus WTB dalam sampel, Peratus Diramal Dengan Betul Keseluruhan adalah bernilai 16.93%
4. Ujian Spesifikasi Umum (*General Specification Test*) didapati tiada bukti bahawa bentuk fungsi model *ordered logit* teranggar ini adalah tidak betul (*wrong functional form*) pada 1% aras keertian.
5. Sila rujuk Lampiran I untuk keterangan dan definisi bagi pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut.

JADUAL 5. Definisi & Ukuran Pemboleh Ubah

Kod	Definisi pemboleh ubah	Ukuran
WTB	Kesanggupan memberi rasuah sebanyak RM50 bagi kesalahan lalu lintas berdenda RM300	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju)
MALE	Pemboleh patung jantina (kategori perbandingan = perempuan)	0=perempuan 1=lelaki
CHINESE	Pemboleh patung ethnik Cina (kategori perbandingan = Melayu)	1= jika Cina
OTHERS	Pemboleh patung ethnik India atau lain-lain (kategori perbandingan = Melayu)	1=jika India atau lain-lain
MORAL	Sudi melaporkan kes rasuah atas pegangan moral sendiri	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju)
TIMESAVE	Beri rasuah untuk jimat masa	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju)
FINESAVE	Beri rasuah untuk jimat wang (denda)	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju)
INSENTIF	Sudi melaporkan kes rasuah atas insentif kewangan yang diberikan	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju)
LOCATION	Pemboleh patung bandar (kategori perbandingan = luar bandar)	0=luar bandar 1=bandar
PMK	Purata mata gred	Nilai sebenar (dalam julat 0-4)
PMK2	PMK dikuasaduakan	Nilai sebenar
HAPPINESS	Tahap kegembiraan hidup secara keseluruhan	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak gembira) sehingga 7 (sangat gembira)
PERCEPTION	Persepsi terhadap tahap rasuah di Malaysia	Skala <i>likert</i> dari 0 (tiada rasuah) sehingga 10 (sangat banyak rasuah)
DETECT	Peningkatan risiko dikesan mempengaruhi kesanggupan memberi rasuah	Skala <i>likert</i> dari 1 (sangat tidak setuju) sehingga 7 (sangat setuju)
MALE*CHINESE	Interaktif antara MALE dan CHINESE	Nilai sebenar

Table 5. (continued)

MALE*OTHERS	Interaktif antara MALE dan OTHERS	Nilai sebenar
MALE*MORAL	Iteraktif antara MALE dan MORAL	Nilai sebenar
$\mu_1 - \mu_0$	Pekali parameter <i>boundary</i> teranggar	

model *naïve* (yang meramal dengan menggunakan peratus sampel). Ujian spesifikasi umum (*General specification test*) juga mencadangkan tiada bukti bahawa bentuk fungsi pemboleh ubah-pemboleh ubah adalah salah. Pekali parameter *boundary* teranggar (sehingga) didapati signifikan. Ini membuktikan penggunaan model *ordered logit* adalah relevan. Maka, pada keseluruhannya, model *ordered logit* teranggar ini didapati bagus (*fit*).

Dari Jadual 4, adalah didapati bahawa pemboleh ubah jantina merupakan penentu yang signifikan. Berbanding dengan perempuan, lelaki didapati mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi dalam memberi rasuah. Dapatan ini adalah seperti mana yang diperolehi oleh kajian-kajian lalu. Misalnya, kajian oleh Loo (2003). Walau bagaimanapun, terdapatnya kesan interaktif yang signifikan antara jantina dan kesudian melaporkan kes rasuah atas pegangan moral (MORAL). Bagi lelaki, semakin tinggi kesudian mereka melaporkan kes rasuah atas pegangan moral, semakin rendah kesanggupan memberi rasuah. Ini bererti pegangan moral berupaya mengurangkan kesanggupan memberi rasuah di kalangan pelajar lelaki.

Berbanding dengan etnik Melayu, Cina (CHINESE) didapati mempunyai kecenderungan untuk memberi rasuah yang lebih tinggi. Manakala, India dan lain-lain etnik (OTHERS) mempunyai kesanggupan memberi rasuah yang lebih rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa etnik Cina memainkan peranan penting dalam penawaran rasuah dan segala kempen mencegah rasuah seharusnya ditumpukan ke atas masyarakat Cina. Pada masa yang sama, bagi India dan lain-lain etnik, yang merupakan lelaki (MALE*OTHERS), mereka juga didapati mempunyai kecenderungan memberi rasuah yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki Melayu.

Purata mata gred (PMK), iaitu pencapaian akademik pelajar di peringkat universiti, didapati mempunyai kesan kuadratik berbentuk "U" ke atas kesanggupan memberi rasuah dengan titik minimum pada PMK bernilai 2.96. Ini bererti, dalam julat PMK dari 2.00 sehingga 2.96, peningkatan dalam PMK akan mengurangkan kesanggupan memberi rasuah. Tetapi

selepas nilai PMK 2.96, peningkatan PMK akan meningkatkan kesanggupan memberi rasuah.

Mereka yang menyatakan lebih sudi melaporkan kes rasuah atas insentif kewangan (INSENTIF) didapati mempunyai lebih tinggi kecenderungan memberi rasuah. Masa dan wang yang dijamin (TIMESAVE dan FINESAVE) dengan memberi rasuah juga merupakan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang signifikan dalam mempengaruhi kesanggupan memberi rasuah. Semakin tinggi masa dan wang yang dijamin, semakin tinggi kesanggupan memberi rasuah.

Pendek kata, pemboleh ubah lelaki, Cina, masa dan wang dijamin didapati berkait rapat dengan kesanggupan memberi rasuah dalam analisis deskriptif. Dalam analisis pemodelan ekonometrik, pemboleh ubah-pemboleh ubah ini juga didapati mempunyai kesan yang signifikan ke atas kesanggupan memberi rasuah.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pelajar-pelajar universiti mempunyai persepsi bahawa tahap rasuah di Malaysia adalah pada tahap yang merungsingkan. Kesemuanya berpendapat bahawa wujudnya rasuah di Malaysia dan 17.53% daripada mereka berpendapat bahawa terdapatnya sangat banyak rasuah. Pihak berkuasa seharusnya mengambil kira dapatan ini sebagai isyarat yang kuat bahawa masalah rasuah di Malaysia perlu ditangani dengan cepatnya.

Dari segi penawaran rasuah, kajian ini mendapati bahawa 30.93% daripada sampel sanggup memberi rasuah dalam kesalahan lalu lintas. Ini menunjukkan kesedaran pelajar universiti ke atas keburukan gejala rasuah harus dipertingkatkan lagi. Semangat anti-rasuah seharusnya disemai dalam hati pelajar sejak awal persekolahan sehingga peringkat universiti.

Kajian ini juga mendapati bahawa jantina, etnik, masa dan wang dijamin, kesudian melapor kes rasuah atas insentif kewangan dan pegangan moral (melalui interaktif dengan jantina) dan purata mata gred, merupakan penentu-penentu signifikan bagi kesanggupan memberi rasuah. Mereka yang lelaki, Cina dan berpurata mata gred 2.96 ke atas didapati lebih cenderung memberi rasuah. Mereka merupakan penawar-penawar rasuah yang berpotensi. Maka, pada peringkat pelajar universiti, segala kempen anti-rasuah seharusnya tertumpu ke atas golongan ini – lelaki, Cina dan berpurata mata gred 2.96 ke atas.

Pegangan moral juga boleh digunakan sebagai asas bagi kempen mengurangkan penawaran rasuah. Pegangan didapati berupaya mengurangkan kesanggupan memberi rasuah di kalangan pelajar universiti lelaki (di mana, lelaki telah didapati berkecenderungan tinggi dalam memberi rasuah, berbanding dengan perempuan). Dalam konteks ini, ajaran agama memainkan peranana penting dalam membentuk pegangan moral yang kuat untuk semangat anti-rasuah di kalangan pelajar universiti.

Kajian ini juga mendapati bahawa semakin banyak masa dan wang dijamin, semakin tinggi kesanggupan memberi rasuah. Ini bererti peningkatan denda kesalahan lalu lintas akan memberi kesan luaran yang negatif, iaitu menggalakan lebih banyak penawaran rasuah. Untuk membanteras penawaran rasuah, kerajaan seharusnya mengambil langkah mempercepatkan urusan pembayaran denda. Misalnya, denda boleh dibayar secara *online* (seperti mana bil-bil utiliti) atau *on-spot*, iaitu pegawai kerajaan yang mengeluarkan saman juga diberi kuasa menerima denda sama ada dalam bentuk tunai atau kad kredit pada masa yang sama.

Dapatan-dapatan kajian di atas ini adalah tertakluk kepada beberapa kekangan. Pertama, kajian ini hanya meliputi pelajar-pelajar dari satu universiti tempatan dan satu program. Maka, walaupun dengan persampelan rawak, dapatan ini mempunyai unsur wakil yang terhad. Adalah dicadangkan bahawa kajian di masa depan dilakukan dengan sampel yang meliputi pelbagai program dan universiti, termasuk institusi pengajian tinggi swasta.

Kedua, pilihan pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas dalam pemodelan ekonometrik adalah terhad kepada apa yang tersedia ada dalam data ini. Beberapa pemboleh ubah yang dijangka mempengaruhi kesanggupan memberi rasuah, misalnya pendapatan keluarga, tidak dapat dimasukkan ke dalam model teranggar (tiada maklumat ini dalam data kajian ini). Akhirnya, sifat data keratan rentas ini juga menghadkan keupayaan kajian ini dalam menentukan hubungan causaliti antara kesanggupan memberi rasuah dan pemboleh ubah bebas yang didapati signifikan.

RUJUKAN

- Andvig, J. & Moene, K. 1990. How corruption may corrupt. *Journal of Economic Behavior and Organization* 13: 63-76.
- Baack, D., Fogliasso, C. & Harris, J. 2000. The personal impact of ethical decisions: a social penetration theory. *Journal of Business Ethics* 24: 39-49.
- Bardhan, P. 1997. Corruption and development: A review of Issues. *Journal of Economic Literature* 35: 1320-1346.

- Bernardi, A.R. & Vassill, M.K. 2004. The association among bribery and unethical corporate actions: an international comparison. *Business Ethics: A European Review* 13: 342-353.
- Global Corruption Report. 2007. Transparency International. <http://www.transparency.org/content/download/19093/263155> (accessed on February 13, 2008).
- Glover, S. H., Bumpus, M. A., & Sharp, G. F. 2002. Gender differences in ethical decision making. *Women in Management Review* 17: 217-228.
- Habib, M., & Zurawicki, L. 2002. Corruption and Foreign Direct Investment. *Journal of International Business Studie* 33: 291-307.
- Inna Cabelkova & Hanousek, J. 2004. The Power of Negative Thinking: Corruption Perception and Willingness to Bribe in Ukraine. *Applied Economics* 36: 383-414.
- Kaufmann, D. 1998. Research on Corruption: critical empirical issues. In *Economics of Corruption*, ed. Arvind K. Jain, 129-176. Boston: Kluwer Academic Publisher.
- Kajian dapati gaji tinggi cenderung beri suapan. *Berita Harian (Malaysia)*, Mac 6, 2007, 1.
- Liew, L. H. 1992. Corruption as a Form of Insurance. *European journal of Political Economy* 8: 427-443.
- Loo, R. 2003. Are women more ethical than man? Findings from three independent studies. *Women in Management Review* 18: 169-182.
- Owoye, W., & Ibrahim Bendardaf. 1996. The Macroeconomic Analysis of the Effects of Corruption on Economic Growth of Developing Economies. *Rivista Internazionale di Science Economiche e Commerciali*, 43: 191-211.
- Pelan Integriti Nasional, Edisi Ringkas. http://www.parlimen.gov.my/transfer/Ringkasan_Mengenai_Pelan_Integriti_Nasional.pdf (accessed on February 20, 2006).
- Zhao, J. H., Kim, S. H., & Du, J. J. 2003. The Impact of Corruption and Transparency on Foreign Direct Investment: An Empirical Analysis. *Management International Review* 43: 41-62.

Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
Sintok, Kedah.
e-mail: lheam@uum.edu.my